



JUU SET2 (SEJARAH KERTAS 1)

- 1 Rajah di bawah berkaitan dengan penemuan mayat Tutankhamun II di Lembah Raja, Thebes pada tahun 1922.




Mengapakah mayat tersebut diselaputi emas ?

- A Konsep kehidupan selepas mati
 - B Taraf sosial yang lebih tinggi
 - C Proses kelahiran semula
 - D Upacara pemujaan roh
- 2 Karya berikut menunjukkan hasil yang terkenal dalam tamadun Hwang Ho.



Apakah kepentingan kandungan karya di atas kepada generasi hari ini ?

- A Membina tembok pertahanan
 - B Menyusun strategi perniagaan
 - C Mewujudkan sistem pentadbiran
 - D Unsur alam yang saling melengkapi
- 3 Jadual menunjukkan perubahan sistem pemerintahan dalam tamadun Rom pada 509 Sebelum Masihi.



Mengapakah berlaku perubahan tersebut ?

- A Peningkatan taraf hidup
 - B Penaklukan orang gasar
 - C Pemberontakan golongan *patrician*
 - D Pertembungan dengan tamadun luar
- 4 Tokoh berikut merupakan seorang pemerintah terkenal dalam tamadun China.



Bagaimanakah maharaja tersebut dapat menyatukan China?

- A Membina Tembok Besar Cina
- B Melaksanakan upacara korban
- C Pentadbiran secara demokratik
- D Amalan pemerintahan autokratik

5 Senarai di bawah merupakan tokoh pemerintah terkenal dalam kerajaan Angkor.

- Indravarman I
- Suryavarnam II

Apakah sumbangan tokoh tersebut ?

- A Meningkatkan kemajuan perdagangan
- B Menyediakan prasarana di pelabuhan
- C Membina saluran dan takungan air
- D Memperkenalkan pengaruh Hindu

6 Senarai di bawah merupakan pengaruh Hindu Buddha yang wujud dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.

- Derhaka
- Dewa-raja
- Order kosmos

Mengapakah kerajaan awal mengamalkan konsep tersebut?

- A Memperkuat status pemerintah
- B Mempertahan adat istiadat diraja
- C Memperkukuh upacara keagamaan
- D Mewujudkan pemerintahan yang adil

7 Kawasan petempatan yang berbeza secara tidak langsung telah mempengaruhi cara hidup dan pencapaian masyarakat Arab Jahiliah.

Mengapakah mereka dikenali sebagai *jahiliah* ?

- I Menjalin kerjasama antara kabilah
- II Mengamalkan perkahwinan bebas
- III Mengamalkan riba dalam urusan niaga
- IV Mewujudkan pemerintahan monarki

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

- 8 Pernyataan di bawah menunjukkan wahyu kedua yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Surah al- Mudassir (Ayat 1-7)

Apakah yang diperintahkan dalam ayat tersebut ?

- A Melindungi pengikut agama Islam
- B Mengekalkan persamaan hak dan taraf
- C Menggalakkan umat Islam mencari ilmu
- D Menyebarkan agama Islam kepada seluruh dunia

- 9 Pernyataan di bawah menerangkan perlembagaan bertulis pertama yang diamalkan di negara Islam.

Piagam Madinah telah dirangka oleh Nabi Muhammad S.A. W pada tahun 622M berpandukan wahyu Allah S. W. T.


Apakah kepentingan piagam tersebut ?

- A Strategi menghadapi penentangan Arab Quraisy
- B Memberi panduan pemerintahan negara
- C Mengekalkan budaya masyarakat Arab
- D Melindungi hak sama rata semua kaum

- 10 Mengapakah Nabi Muhammad S.A.W bersetuju menerima Perjanjian Hudaibiyah walaupun ia tidak memihak kepada orang Islam ?

- A Strategi mewujudkan keamanan
- B Mengelakkan pertumpuhan darah
- C Ancaman bunuh terhadap orang Islam
- D Bertoleransi dengan orang Arab Quraisy

- 11 Senarai di bawah adalah hasil pertanian yang telah meningkatkan sumber pendapatan negara Islam.



Apakah cukai yang dikutip melalui hasil tanaman tersebut ?

- A Cukai jizyah
- B Cukai kharaj
- C Cukai zimmi
- D Cukai pertanian

- 12 Ucapan berikut telah diberikan selepas perlantikan beliau sebagai khalifah negara Islam.

“Ketahuilah bahawa dunia ini dipenuhi tipu daya. Maka, janganlah kamu tertipu oleh kemewahan hidup dan tipu daya manusia

Siapakah khalifah yang dimaksudkan di atas ?

- A Umar al-Khattab
 - B Ali bin Abu Talib
 - C Uthman bin Affan
 - D Abu Bakar al-Siddiq
- 13 Apakah tamadun luar yang bertembung dengan tamadun Islam apabila tentera Islam berjaya menguasai Iran dan Iraq ?
- A Rom
 - B India
 - C Parsi
 - D Mesir Purba
- 14 Pedagang-pedagang Islam yang datang berdagang ke Asia Tenggara mempunyai sifat mahmudah.
- Apakah kelebihan sifat tersebut daripada aspek dakwah Islamiah ?
- A Pedagang diberi tempat di istana raja
 - B Golongan bangsawan memeluk Islam
 - C Penyebaran agama Islam lebih cepat
 - D Kegiatan dakwah Islamiah telah disekat
- 15 Di Aceh, seramai 22 orang ulama ditugaskan di Balai Gadang.
- Apakah peranan ulama tersebut?
- A Menghasilkan karya Islam
 - B Mendirikan sekolah agama
 - C Menyelesaikan persoalan Islam
 - D Menasihati raja dalam pentadbiran

16 Senarai berikut merujuk kepada undang-undang bertulis dalam kerajaan Melayu tradisional.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang Pahang
- Undang-undang Kedah

Apakah kesan pelaksanaan undang-undang tersebut?

- A Menyekat kemasukan pengaruh asing
- B Melancarkan sistem pemerintahan
- C Mengukuhkan sistem pendidikan
- D Mengawal tingkah laku rakyat

17 Pernyataan di bawah berkaitan dengan amalan dalam masyarakat Melayu tradisional.

- Pantang-larang
- Adat resam

Bagaimanakah kanak-kanak Melayu tradisional mempelajari amalan tersebut?

- I Melalui guru-guru di sekolah
- II Melalui pendidikan di pondok
- III Melalui ibu bapa dan orang tua
- IV Melalui pendengaran dan pemerhatian

- | | | | |
|---|----------|---|------------|
| A | I dan II | C | II dan III |
| B | I dan IV | D | III dan IV |

18 Pernyataan berikut menerangkan kandungan akta yang digubal semasa zaman Revolusi Perindustrian.

- Kanak-kanak di bawah umur sembilan tahun dilarang bekerja
- Kanak-kanak yang layak bekerja tidak boleh melebihi sembilan jam sehari

Apakah akta tersebut?

- A Akta Antipenggabungan
- B Akta Sepuluh Jam 1847
- C Akta Lombong 1947
- D Akta Parlimen 1833

- 19 Tokoh berikut merupakan individu penting dalam perusahaan getah Tanah Melayu pada akhir abad ke 19.

HN Ridley

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Pengagihan benih secara percuma
- B Penanaman getah secara meluas
- C Pelaburan modal berskala besar
- D Peningkatan masuk imigran luar


- 20 Senarai di bawah menunjukkan tindakan yang diambil oleh British di Tanah Melayu.

- Menkuatkuasakan Enakmen Tanah padi 1917
- Menubuhkan Jabatan Parit dan Tali Air 1930

Mengapakah wujud tindakan berikut ?

- A Menggalakkan penanaman padi
- B Meningkatkan penanaman tadisional
- C Mengelakkan orang Melayu menanam getah
- D Membuka lebih banyak penanaman padi sawah

- 21 Peta menunjukkan kedudukan Terusan Suez yang dibina pada 1869 yang menghubungkan Laut Mediterranean dengan Laut Merah.



Apakah kepentingan Terusan Suez pada abad ke-19?

- A Menjalin hubungan diplomatik
- B Menjimatkan kos pentadbiran
- C Membuktikan ketinggian teknologi
- D Menyatukan kuasa imperialis Barat

- 22 Gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara Asia Tenggara lain yang bersifat antipenjajah.

Apakah tujuan gerakan nasionalisme di Thailand pada tahap kedua?

- A Menentang penguasaan ekonomi kapitalis Cina dan Barat
- B Membantah kelemahan sistem pentadbiran
- C Menentang sistem raja berkuasa mutlak
- D Melancarkan gerakan Revolusi Thailand

- 23 Tok Janggut merupakan pemimpin tempatan yang berjuang menentang British di Pasir Puteh, Kelantan.

Mengapakah tokoh tersebut menentang British?

- A Dilucutkan jawatan
- B Dilarang mengutip ufti
- C Dikerah meneroka hutan
- D Dipaksa membayar cukai

- 24 Jadual berikut mengenai sebuah persatuan yang telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 1934.

Persatuan X	Matlamat
	<ul style="list-style-type: none">• Menggalakkan ahli berkenalan• Bertukar pendapat untuk memajukan diri dan bangsa

Apakah persatuan X?

- A Kesatuan Melayu Muda
- B Persatuan Melayu Sarawak
- C Kesatuan Melayu Singapura
- D Persatuan Sahabat Pena Malaya

- 25 Persidangan Damai Paris telah mencapai kesepakatan melalui Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson.

Apakah dua prinsip yang dicadangkan oleh deklarasi tersebut ?

- I pentadbiran negara ditentukan kuasa besar
- II penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri
- III prinsip sempadan negara berasaskan bangsa
- IV pembayaran ganti rugi kuasa besar kepada bekas tanah jajahannya

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

26 Jadual menunjukkan lambang-lambang yang menjadi simbol negara Malaysia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Bahasa Melayu• Agama Islam• Alat kebesaran diraja |
|---|

Mengapakah lambang tersebut penting kepada negara kita?

- A Mempertahankan kedaulatan bangsa
- B Mengukuhkan kuasa mutlak pemerintah
- C Membentuk identiti bagi sebuah negara
- D Menunjukkan kekayaan khazanah bangsa

27 Jadual di bawah berkaitan dengan pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu

1 April 1946
<ul style="list-style-type: none">• Diisytiharkan di King's House (Carcosa Seri Negara)• Sir Edward Gent dilantik sebagai Gabenor Malayan Union pertama

Apakah kesan peristiwa di atas terhadap orang Melayu ?

- A Kuasa pembesar Melayu meningkat
- B Ekonomi negara berkembang pesat
- C Kebudayaan Melayu terpelihara
- D Perpaduan semakin kukuh

28 Pertubuhan di bawah telah menentang British dan UMNO.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Majlis Tindakan Bersama Seluruh Malaya (AMCJA)• Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) |
|---|

Bagaimanakah tindakan penentangan mereka?

- A Mencadangkan Perlembagaan Rakyat
- B Menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif
- C Mengadakan proses pilihanraya
- D Mencetuskan peperangan

- 29 Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya tidak mendapat sambutan daripada kaum Cina, India dan kaum lain di Tanah Melayu.

Mengapakah keadaan ini berlaku?

- A Terpengaruh dengan ideologi komunis
- B Perasaan perpaduan yang masih asing
- C Enggan mengubah struktur parti
- D Kesetiaan kepada negara asal

- 30 Pernyataan dibawah berkaitan dengan prinsip kerakyatan *jus soli* yang menjadi isu hangat semasa proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

Selepas bebarapa kali rundingan, Raja-raja Melayu telah bersetuju menerima kerakyatan <i>jus soli</i> tetapi dengan bersyarat.
--

Apakah syarat tersebut ?

- A Kedudukan istimewa orang Melayu diiktiraf
- B Pembentukan sebuah kerajaan Persekutuan
- C Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan
- D Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan

- 31 Jadual menunjukkan penubuhan Parti Perikatan di Sarawak dan Sabah.

Parti Perikatan Sarawak	PANAS, SNAP, BERJASA, SCA dan PESAKA
Parti Perikatan Sabah	UNKO, USNO, Pasok Momogun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik

Apakah kesan penubuhan parti-parti di atas?

- A Menjayakan penubuhan gagasan Malaysia
- B Menggulingkan pentadbiran keluarga Brooke
- C Melenyapkan sistem pemerintahan tradisional
- D Menuntut Perkara 20 bagi Sabah dan Sarawak

- 32 Jadual menerangkan peristiwa yang berlaku semasa pembentukan gagasan Malaysia.

Tarikh	20 Januari 1963
Kempen	Ganyang Malaysia

Mengapakah Indonesia bertindak demikian?

- A Tiada perwakilan semasa perundingan
- B Terpengaruh dengan idealogi komunis
- C Kedudukan Presiden Indonesia tergugat
- D Kegagalan menubuhkan Persekutuan Borneo

33 Sejak tahun 1957, perlembagaan Malaysia telah dipinda beberapa kali .

Apakah tujuan pindaan dibuat ?

- A Memastikan kelancaran peraturan
- B Melindungi kepentingan rakyat
- C Mengelak tekanan kuasa asing
- D Menjamin kemajuan negara

34 Apakah syarat bagi seseorang yang ingin menjadi calon dalam pilihanraya di Malaysia?

- A Berjawatan dalam perkhidmatan awam
- B Berumur tidak lebih daripada 31 tahun
- C Bukan seorang yang muflis
- D Cekap menjalankan kempen


35 Jadual dibawah menunjukkan agensi yang ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Pertama.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• FELCRA• FELDA |
|--|

Mengapakah agensi tersebut ditubuhkan?

- A Membangunkan ekonomi luar bandar
- B Memajukan sektor perindustrian ringan
- C Menggalakkan penanaman tembakau
- D Mengembangkan industri kecil sedarhana

36 Gambar menunjukkan Buku Merah yang diperkenalkan dalam Rancangan Malaya Kedua.



Mengapakah buku tersebut diperkenalkan?

- A Melaporkan kejayaan program
- B Merekod pengurusan kewangan
- C Memantau mutu perkhidmatan kerajaan
- D Menilai pelaksanaan program pembangunan

37 Pernyataan di bawah berkaitan dengan peristiwa 13 Mei 1969.



Bagaimanakah majlis tersebut mewujudkan perpaduan rakyat Malaysia selepas peristiwa di atas?

- A Penggubalan Perlembagaan
- B Pembentukan Rukun Negara
- C Pelaksanaan Wawasan 2020
- D Dasar Kebudayaan Kebangsaan


38 Pernyataan berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku semasa Perang dunia Kedua.

Tarikh	Peristiwa
6 Ogos 1945	Presiden Amerika Syarikat mengarahkan bom atom digugurkan di Horishima
8 Ogos 1845	Bom atom kedua digugurkan di Nagasaki

Mengapakah Amerika Syarikat bertindak demikian ?

- A Mengadakan ujian persenjataan
- B Menentang Perjanjian Versailles
- C Mengatasi masalah kemelesetan ekonomi
- D Mengelakkan masa peperangan yang lama

39 Rajah di bawah menunjukkan 2 blok dunia yang saling bersaing bagi membuktikan kekuatan masing-masing.



Apakah kesan perang tersebut ?

- A Perlumbaan senjata
- B Perubahan ideologi
- C Perbezaan geopolitik
- D Persaingan ekonomi

- 40 Malaysia telah memainkan peranan yang penting sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak tahun 1957.

Apakah sumbangan Malaysia dalam pertubuhan tersebut?

- I Menghantar pasukan pemerhati ke Kampuchea
- II Menyokong dasar Apartied di Afrika Selatan
- III Menyarankan penggunaan dinar emas
- IV Mewakili pasukan pengaman ke Bosnia

- A I dan II
- B I dan IV

- C II dan III
- D III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT